UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

AGRICULTURE • INNOVATION • LIFE

TAKLIMAT PENGURUSAN ASET ALIH UNIVERSITI

19 SEPTEMBER 2017
DEWAN PERTANIAN, FAKULTI PERTANIAN, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

OBJEKTIF TAKLIMAT

TUJUAN

- MEMBERI PENDEDAHAN KEPADA PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA (1PP) AM 2 : TATACARA PENGURUSAN ASET ALIH KERAJAAN
- MEMBERI PENEKANAN KEPADA TATACARA SEMASA YANG AKAN DISESUAIKAN DENGAN PEKELILING PERBENDAHARAAN
- MEMBERI PEMAHAMAN KEPADA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI ASET DAN URUSETIA/JAWATANKUASA YANG DILANTIK
- ISU DAN MASALAH SEMASA DI DALAM PENGURUSAN ASET ALIH

PUNCA KUASA

- Perlembagaan UPM
- Akta Acara Kewangan 1957
- Polisi dan Amalan Semasa UPM
- Arahan Perbendaharaan ,Pekeliling-pekelling dan Surat-surat Pekeliling Perbendaharaan yang masih berkuatkuasa
- Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (1PP) Am 2:Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan

TUJUAN UTAMA PENGURUSAN ASET ALIH

DEFINISI

ASET : sumber yang dikawal oleh entiti, hasil daripada peristiwa lampau dan memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti

ASET ALIH : aset atau peralatan yang boleh dipindahkan atau dialihkan dari satu tempat ke tempat lain secara mudah termasuk Aset Alih yang dibekalkan bersekali dengan penyediaan bangunan atau infrastruktur lain.

KUMPULAN

Harta Modal (Aset Alih Dipermodalkan)

Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) atau lebih setiap satu unit

Inventori (Aset Alih Tidak Dipermodalkan)

Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap unit

KUMPULAN ASET ALIH DI UPM

Harta Modal (Aset Alih Dipermodalkan)

Barang tak luak yang harga perolehan asalnya RM3,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu) atau lebih setiap satu unit dengan jangka hayat melebihi 1 tahun

Inventori (Aset Alih Tidak Dipermodalkan)

Barang tak luak yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM3,000 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu) satu unit dengan jangka hayat melebihi 1 tahun

KATEGORI HARTA MODAL DAN INVENTORI

KENDERAAN/ JENTERA (A34100)

PERABOT/LEKAPAN/ LENGKAPAN PEJABAT(A35100)

ALAT ELEKTRONIK (A35200)

ALAT ELEKTRIK (A35300)

ALAT PENYIARAN DAN PERHUBUNGAN (A35400)

ALAT FOTOGRAFI,PERUBATAN ,MUZIK(A35500)

ALAT PERTAHANAN (A35600)

ALAT BEKALAN AIR & ELEKTRIK (A35700)

ALAT KESELAMATAN, KEBERSIHAN,KESIHATAN(A35800)

ALAT PENYELIDIKAN/LAIN-LAIN(A35900)



PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

- Membuat lantikan Pegawai Aset PTJ
- Membuat lantikan Pegawai Penerima
- Menamakan Pegawai Pemverifikasi Aset PTJ
- Membuat lantikan Lembaga Pemeriksa Pelupusan Inventori dan meluluskan pelupusan Inventori
- Memastikan pengurusan aset adalah mengikut peraturan berkuat kuasa

PEGAWAI ASET

- Mengemaskini daftar aset KEW.PA-2 & KEW.PA-3 (FAMS) dengan maklumat terkini
- Menyedia dan memastikan daftar aset direkod dan disimpan di tempat selamat
- Mengemaskini Daftar Pinjaman/Pergerakan Aset KEW.PA-6
- Memastikan Senarai Aset Di Lokasi (KEW.PA-7) dikemaskini dan ditampal dilokasi sebenar
- Menjadi Urusetia Pelupusan Inventori
- Memastikan pengurusan aset adalah mengikut peraturan berkuat kuasa

STAF PTJ

- Memastikan KEW.PA-7 ditampal dilokasi bertugas adalah berdasarkan aset yang berada di lokasi sebenar
- Menjaga harta Universiti melebihi harta peribadi dengan kawalan maksimum
- Memaklumkan Pegawai Aset PTJ jika berlaku kerosakan aset untuk tindakan pembaikan segera atau pelupusan
- Memaklumkan Pegawai Aset sebarang perubahan lokasi atau pengguna untuk tindakan kemaskini
- Memaklumkan pegawai aset jika menyedari kehilangan aset

PENERIMAAN

OBJEKTIF

- Memastikan setiap aset yang diterima menepati spesifikasi yang ditetapkan;
- Menentukan kualiti dan kuantiti sebenar mengikut pesanan; dan
- Memastikan aset diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan

PELANTIKAN PEGAWAI PENERIMA

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB melantik Pegawai Penerima yang bertanggungjawab untuk menerima dan memeriksa aset alih yang diterima. Bagi aset teknikal, Pegawai Penerima yang dilantik hendaklah memiliki kepakaran dalam bidang berkaitan

Pegawai penerima bertanggungjawab mengesahkan terimaan aset/inventori pada Nota Terimaan Bekalan (Delivery Order) dengan mengikuti peraturan dan langkah penerimaan yang ditetapkan

PERATURAN PENERIMAAN

PEMERIKSAAN

Aset yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti bagi memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan

PEMERIKSAAN TEKNIKAL

Bagi Aset Teknikal, penerimaan dan pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang memiliki kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan

PERATURAN PENERIMAAN

Aset yang diterima perlu dibuat pemeriksaan dengan teliti bagi memastikan ia menepati spesifikasi yang ditetapkan

Bagi Aset Teknikal, penerimaan dan pemeriksaan hendaklah dilakukan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang memiliki kepakaran dalam bidang-bidang berkaitan

PERATURAN PENERIMAAN

LANGKAH-LANGKAH PENERIMAAN	1. Menyemak butiran di dalam dokumen yang sah bagi memastikan aset yang diterima adalah betul
	2. Aset hendaklah diperiksa, dikira, diukur, ditimbang atau diuji serta merta sebelum disahkan penerimaannya
	3. Sekiranya pengesahan tidak dapat dilakukan dengan serta merta maka dokumen penerimaan seperti nota serahan/ hantaran hendaklah dicatatkan "Diterima dengan syarat ianya disahkan kemudian secara diperiksa, dikira, diukur, ditimbang atau diuji'
	4. Borang Laporan Terimaan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-1 (Lampiran A) disediakan oleh Pegawai Penerima jika terdapat kerosakan, kuantiti kurang atau lebih dan tidak mematuhi spesifikasi

PERATURAN PENERIMAAN

LANGKAH-LANGKAH PENERIMAAN	5. Borang KEW.PA-1 yang telah disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan/ Bahagian/ Seksyen/ Unit/ Pegawai Aset hendaklah dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal;
	6. Pegawai Penerima hendaklah memastikan bahawa aset diterima berserta dengan Surat Jaminan daripada pembekal yang mengesahkan bahawa mutunya menepati spesifikasi seperti dalam perjanjian pembelian
	7. Pegawai Penerima hendaklah memastikan aset yang diterima disertakan manual penggunaan dan penyelenggaraan, jika ada; dan
	8. Perolehan kontrak pusat/secara berpusat, Pegawai Penerima hendaklah dibekalkan sesalinan dokumen seperti Pesanan Rasmi Kerajaan, Nota Serahan, Inbois, Surat Jaminan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan untuk tujuan pengesahan

PENDAFTARAN

OBJEKTIF


Mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini;
Memudahkan pengesanan dan pemantauan
Membolehkan keadaan aset diketahui
Memudahkan penyelenggaraan, pelupusan dan penggantian aset

BILANGAN ASET UNIVERSITI

BILANGAN ASET SETAKAT
31 OGOS 2017

61,911 Unit Aset Alih
* 23,800 Unit Alat Penyelidikan
* 38,111 Unit Aset Peruntukan Mengurus/ Amanah



NILAI ASET SEMASA UNIVERSITI

NILAI ASET SEHINGGA 31 OGOS 2017

RM910 JUTA



- ASET ALIH
- ASET TAK ALIH

RM1.46 Billion

KAEDAH PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PEROLEHAN

Aset Yang Dibekalkan Bersekali Dengan Bangunan	Aset Yang Disewa Beli	Aset Lucut Hak
• Garis Panduan Pindahan Pembinaan Dalam Kemajuan ke Aset (SOK/KEW/GP0026/AST) • Borang Penyerahan Bangunan/Aset/Inventori (OPR/PPPA/BR12)	• Didaftarkan semasa diterima - Dalam perjanjian sewa beli dinyatakan aset tersebut telah menjadi milik Kementerian/ Jabatan/ PTJ bermula tarikh penerimaan/ penyerahan • Didaftar selepas tamat tempoh perjanjian - Dalam perjanjian sewa beli dinyatakan aset tersebut menjadi milik Kerajaan selepas sesuatu tempoh perjanjian • Daftar Aset Tanpa Pesanan Belian (SOK/KEW/DF024/AST)	• Didaftarkan selepas diterima • Daftar Aset Tanpa Pesanan Belian (SOK/KEW/DF024/AST)

KAEDAH PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PEROLEHAN

Pindahan Aset

- Pindahan aset bermaksud memindahkan aset antara PTJ dengan PTJ yang lain setelah mendapat kelulusan Ketua Jabatan masing-masing
- Borang Penyerahan Aset dan Inventori (SOK/KEW/BR053/AST)

Penempatan Aset Ke PTJ Lain

- Aset yang dibeli oleh PTJ untuk di tempatkan kepada PTJ yang lain di bawah satu Pegawai Pengawal yang tidak melibatkan penukaran hak milik
- PTJ penerima hendaklah membuat penempatan ke atas aset dan menyediakan KEW.PA-7 secara berasingan;
- Semua urusan pengurusan aset termasuk penyelenggaraan, pemeriksaan, pelupusan dan hapus kira kehilangan aset adalah di bawah tanggungjawab PTJ yang mendaftar

DOKUMEN PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PEROLEHAN

Aset Yang Dibeli

1) Pesanan Rasmi Kerajaan;

2) Nota Serahan;

3)Invois;

4) Dokumen Kontrak;

5) Kad Jaminan;

6) Manual Pengguna; atau

7) Dokumen-dokumen lain yang berkaitan.

Aset Yang Disewa Beli

Surat Ikatan Perjanjian;atau

Dokumen-dokumen lain yang berkaitan

Aset Yang Diterima Daripada Pindahan/ Serahan Dari Agensi lain

Salinan Daftar Harta Modal atau Daftar Aset Bernilai Rendah

DOKUMEN PENDAFTARAN MENGIKUT JENIS PEROLEHAN

Aset Yang Diterima Sebagai Hadiah

Surat kelulusan menerima hadiah mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa berserta maklumat lengkap aset berkaitan

Aset Yang Diterima Dari Perintah Lucut Hak

Salinan Perintah Lucut Hak bagi aset yang diterima berikutan Perintah Lucut Hak Mahkamah

Aset Yang Diterima Dari Agihan/Kelulusan Khas

Salinan dokumen-dokumen pembelian sekiranya diterima melalui agihan atau apa-apa kelulusan khas; atau

PROSES PENDAFTARAN

PENDAFTARAN MELALUI PESANAN BELIAN

Aset akan didaftarkan di dalam FAMS dan berstatus ‘Ready’ . Barkod sementara ialah HCxxxxx

Semasa proses bayaran, Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) atau Daftar Inventori (KEW.PA-3) dalam FAMS perlu dikemaskini dengan maklumat Barkod,Lokasi,Pengguna,Jenis Produk.

Rujuk Garis Panduan Pendaftaran ID dan verifikasi Aset (SOK/KEW/GP019/AST)

Selepas bayaran disempurnakan, aset akan berstatus ‘Register’

PENDAFTARAN TANPA PESANAN BELIAN

Semasa proses bayaran, pemohon hendaklah mengemukakan:

1) Daftar Aset Tanpa Pesanan Belian (SOK/KEW/DF024/AST) yang telah dicatatkan no ID S00xxxxx; dan

2) Daftar Harta Modal (KEW.PA-2) atau Daftar Inventori (KEW.PA-3) dalam FAMS perlu dikemaskini dengan maklumat Barkod,Lokasi,Pengguna,Jenis Produk.

Rujuk Garis Panduan Pendaftaran ID dan verifikasi Aset (SOK/KEW/GP019/AST)

Aset akan didaftarkan di dalam FAMS dan berstatus ‘Ready’ KIV .

Selepas bayaran disempurnakan, aset akan berstatus ‘Register’

PROSES PENDAFTARAN

- Jenis-jenis perolehan yang perlu didaftarkan secara Tanpa Pesanan Belian
  a) Pembelian Tanpa Pesanan Belian/Bayaran Balik
  b) Aset Yang Diterima Secara Hadiah/Sumbangan/Pindahan Dari Agensi/Pihak Luar
  c) Aset Yang Disewa Beli/Dibeli Selepas Tempoh Sewaan Tamat

KAEDAH PELABELAN ASET

HARTA MODAL

- Barkod yang bermula dengan SAAxxxxx
- Label pada Barkod berwarna merah
- Wajib dilekatkan pada harta modal diruangan yang mudah disemak/diperiksa kecuali
  - Item terlalu kecil
  - permukaan terlalu licin
  - Sensitif/mudah rosak
  - Kerap dicuci/disteril
  - Aset digunakan di dalam air/berkaitan api
- Barkod bagi perkara yang dikecualikan ini dilekatkan pada daftar Harta Modal

INVENTORI

- Barkod yang bermula dengan SIAxxxxx
- Label pada Barkod berwarna biru
- Wajib dilekatkan pada harta modal diruangan yang mudah disemak/diperiksa kecuali
  - Item terlalu kecil
  - permukaan terlalu licin
  - Sensitif/mudah rosak
  - Kerap dicuci/disteril
  - Aset digunakan di dalam air/berkaitan api
- Barkod bagi perkara yang dikecualikan ini dilekatkan pada daftar Inventori

PINJAMAN DAN PERGERAKAN ASET

KEW.PA-6 (Rekod Pinjaman dan Pergerakan Aset Alih)

- Pergerakan aset bagi tujuan pinjaman atau penempatan sementara
- Aset Alih yang dibawa keluar untuk tujuan penyelenggaraan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Jabatan/ Pegawai Aset
- Disimpan ditempat selamat dan dibawah jagaan Pegawai Aset

SENARAI ASET DI LOKASI

PENGGUNAAN, PENYIMPANAN, PEMERIKSAAN

OBJEKTIF


Mengurangkan pembaziran
Menjimatkan kos
Mencapai jangka hayat
Mencegah penyalahgunaan
Mengelakkan kehilangan

PENGGUNAAN


Peraturan Penggunaan
Bagi tujuan rasmi sahaja
Dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan jika perlu
Mengikut fungsi sebenar seperti yang terdapat dalam manual/ buku panduan pengguna
Hendaklah direkodkan penggunaannya
Aduan mengenai kerosakan aset hendaklah dilaporkan menggunakan Borang Aduan Kerosakan Aset Alih KEW.PA-9 (Lampiran A).
Aset yang dibawa keluar dari pejabat hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/ Pegawai Aset/ Pegawai-Pegawai Lain yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan. Aset berkenaan hendaklah dipulangkan semula sebaik selesai penggunaannya atau mengikut tempoh kelulusan mana yang lebih awal

PENGGUNAAN


Peraturan Pinjaman
Nyatakan kuantiti dipinjam
Tarikh dipinjamkan dan dipulangkan
Nama dan tandatangan peminjam
Nama dan tandatangan pegawai yang meluluskan
Syarat-syarat pinjaman jika berlaku kerosakan, kehilangan dan seumpamanya

PENYIMPANAN

- Aset Alih Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab. Arahan Keselamatan Kerajaan hendaklah sentiasa dipatuhi bagi mengelak berlakunya kerosakan atau kehilangan aset
- Setiap pegawai penempatan atau pegawai yang menggunakan aset tersebut adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kekurangan, kerosakan atau kehilangan aset di bawah tanggungjawabnya
- Aset Alih yang menarik perhatian atau bernilai tinggi yang terdedah kepada risiko kehilangan hendaklah sentiasa di bawah kawalan yang maksima

PENYIMPANAN

- Apa itu kawalan maksima semasa menyimpan aset
  - Rujuk Tatacara Penjagaan Aset, Pengu[illegible]n Kehilangan danTindakan Yang Boleh Diken[illegible] Apabila Berlaku Kehilangan *(minit 448.04(b) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti ke 448)*
  - Jika menggunakan peti besi, pastikan pegawai yang memegang kunci dan/atau kombinasi mempunyai surat kuasa dan kunci disimpan di tempat selamat manakala kombinasi ditukar setiap 6 bulan atau apabila disedari nombor kombinasi telah diketahui orang lain (AP129A)

PENYIMPANAN

- Apa itu kawalan maksima semasa menyimpan aset
  - Jika menggunakan pintu jeriji, pastikan pintu sentiasa dalam keadaan berkunci selepas waktu pejabat dan kunci disimpan di tempat selamat
  - Pintu bilik sebolehnya menggunakan ‘dead lock’ dan dikunci apabila tidak digunakan. Pintu bercermin, elakkan barang berharga di dalam bilik dari boleh dilihat orang luar

PENYIMPANAN

- Apa itu kawalan maksima semasa menyimpan aset
  - Dewan kuliah/bilik kuliah – pastikan pintu dikunci selepas kelas selesai
  - Barang berharga seperti komputer bimbit,lcd projektor mudah alih disimpan di dalam peti besi atau rak besi berkunci dan kunci hanya dipegang oleh pegawai diberi kuasa
  - Penggunaan aset diluar kampus perlu mendapat kebenaran bertulis dari ketua jabatan

PENYIMPANAN

- Apa itu kawalan maksima semasa menyimpan aset
  - Selepas menggunakan aset yang dipinjam, sila kembalikan dengan segera kepada pegawai pinjaman. Jangan simpan di atas/di bawah meja di pejabat bagi mengelakkan kehilangan
  - Bagi aset yang diberi kebenaran ke luar kampus, jangan tinggalkan di dalam kenderaan/rumah/bilik hotel tanpa pengawasan

PENYIMPANAN

- Apa itu kawalan maksima semasa menyimpan aset
  - Kenderaan yang disimpan diluar kampus untuk tujuan penggunaan segera, sila letakkan kenderaan di dalam kawasan pagar rumah atau di bawah kawalan maksima
  - Penghawa dingin/lcd projector – letak di tempat tinggi dan tidak mudah dicapai/jika berada di bawah, pasangkan jeriji besi

PEMERIKSAAN

Pemeriksaan ke atas:

- Fizikal
- Rekod
- Penempatan

Tujuan Pemeriksaan:

- Mengetahui keadaan dan prestasinya
- Memastikan setiap Aset Alih mempunyai daftar/ rekod yang lengkap, tepat dan kemas kini
- Memastikan setiap Aset Alih berada di lokasi sama seperti yang tercatat dalam daftar

Lantikan Pegawai Pemeriksa

- Dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Pengarah/ Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)
- dua (2) orang Pegawai Pemeriksa daripada Gred 17 dan ke atas. Tempoh lantikan tidak melebihi 2 tahun dan dilantik di atas nama jawatan

PEMERIKSAAN

Pemeriksaan ke atas:

- Pemeriksaan ke atas semua Aset Alih Kerajaan hendaklah dilaksanakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun

Tempoh Penghantaran Laporan Pemeriksaan:

- Laporan Pemeriksaan Harta Modal KEW.PA-10 (Lampiran B) dan Laporan Pemeriksaan Aset Alih Bernilai Rendah KEW.PA-11 (Lampiran C) kepada Ketua Jabatan .Pemeriksaan tersebut dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh lantikan

Hasil Pemeriksaan:

- Ketua Jabatan hendaklah mengambil tindakan ke atas hasil penemuan pemeriksaan di KEW.PA-10 dan KEW.PA-11. Aset-aset yang tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan dengan mencadangkan tindakan hapuskira dengan justifikasi munasabah

PEMERIKSAAN

- Untuk cadangan hapuskira, PTJ perlu mengemukakan:
  - justifikasi munasabah yang boleh dipertimbangkan oleh kuasa melulus,
  - bukti aset telah dibuat pemeriksaan menyeluruh di semua lokasi terlibat, pengguna berkaitan,
  - tindakan semasa yang dilaksanakan untuk memastikan semua aset berada dilokasi/pengguna sebenar

STATUS PEMERIKSAAN ASET/INVENTORI 2017

VERIFIKASI ASET

PERKARA	BIL PTJ (BIL ASET/RM'juta)	BERADA DI LOKASI	TIADA DI LOKASI	TIADA MAKLUMAT
PTJ Telah Hantar Laporan	54 (27768/ RM623,429,430)	48%	24%	28%
PTJ Belum Hantar Laporan	26	-	-	-

VERIFIKASI INVENTORI

PERKARA	BIL PTJ (BIL ASET/RM'juta)
PTJ Telah Menerima Laporan	45 (73034/ RM41,598,032)
PTJ Belum Menerima Laporan	26

PENYELENGGARAAN

OBJEKTIF

Memastikan aset berfungsi dengan lancar secara berterusan dan selamat digunakan
Memelihara dan memanjangkan jangka hayat
Meningkatkan keupayaan
Mengurangkan kerosakan
Mendapatkan ketahanan maksimum sejajar dengan perbelanjaan

OBJEKTIF

- Menjimatkan perbelanjaan Kerajaan
- Menjamin keselamatan pengguna
- Mewujudkan suasana kerja yang kondusif serta produktif;
- Memelihara imej Kerajaan

JENIS PENYELENGGARAAN

Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance)

- kerja penyelenggaraan mengikut jadual/ program bagi memastikan setiap komponen aset berfungsi dengan baik dan mengelakkan berlakunya kerosakan besar

Penyelenggaraan Pembaikan (Corrective Maintenance)

- kerja pembaikan atau penggantian komponen apabila berlaku kerosakan/ kegagalan supaya aset dapat berfungsi semula mengikut piawaian yang ditetapkan

MANUAL PENYELENGGARAAN

Setiap manual/ buku panduan pengguna berkaitan aset hendaklah disimpan sebagai rujukan untuk tujuan penyelenggaraan

PANDUAN PENYELENGGARAAN ASET ALIH

1. Mengenal pasti dan mengurus aset yang memerlukan penyelenggaraan

2. Senaraikan dalam Senarai Aset Alih Kerajaan Yang Memerlukan Penyelenggaraan Berjadual KEW.PA-13 (Lampiran A).

3. Senaraikan, satu program penyelenggaraan hendaklah dirancang dan disediakan

4. Laksanakan program penyelenggaraan mengikut jadual yang telah ditetapkan melainkan sesuatu Aset Alih itu memerlukan penyelenggaraan segera.

5. Rekodkan dalam Rekod Penyelenggaraan Aset Alih KEW.PA-14 (Lampiran B).

PANDUAN PENYELENGGARAAN ASET ALIH

PENGGANTIAN ASET ALIH OLEH SYARIKAT PENYELENGGARAAN

Syarikat penyelenggaraan dibenarkan untuk menggantikan aset yang lama dengan yang baharu tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

Wujudnya perjanjian antara Kementerian/ Jabatan dengan syarikat penyelenggaraan tersebut.

Sekiranya tiada perjanjian tetapi pihak syarikat bersetuju untuk menggantikannya tertakluk kepada syarat aset lama tersebut tidak ekonomi dibaiki dan aset yang digantikan adalah aset baharu dan spesifikasinya hendaklah lebih baik atau sama dengan aset lama

Penggantian aset hendaklah mendapat kebenaran Ketua Jabatan. Maklumat mengenai aset yang baru diterima hendaklah dikemaskini di Bahagian B dalam KEW.PA-2 atau KEW.PA-3 (Work Order)

Nombor siri pendaftaran Aset Alih adalah kekal

PROSES PENYELENGGARAAN

PENYELENGGARAAN MELALUI PESANAN BELIAN

- Pastikan Pesanan belian menyatakan no Id Aset yang akan diselenggara
- Semasa proses bayaran, lampirkan Work Order yang telah dikemaskini dan ditanda tangan oleh pegawai yang diberi kuasa

  Rujuk Arahan Kerja Penyediaan Work Order (UPM/SOK/KEW/AK005/AST)
- Selepas bayaran disempurnakan, Work Order akan berstatus 'Close' di mana kos penyelenggaraan telah dikemaskini kepada Id Aset berkenaan

PENYELENGGARAAN TANPA PESANAN BELIAN

- Semasa proses bayaran, lampirkan Work Order yang telah dikemaskini dan ditanda tangan oleh pegawai yang diberi kuasa

  Rujuk Arahan Kerja Penyediaan Work Order (UPM/SOK/KEW/AK005/AST)
- Selepas bayaran disempurnakan, Work Order akan berstatus 'Close' di mana kos penyelenggaraan telah dikemaskini kepada Id Aset berkenaan

PELUPUSAN

OBJEKTIF

- Memastikan agensi Kerajaan tidak menyimpan aset yang tidak boleh digunakan atau tidak diperlukan
- Menjimatkan ruang simpanan/ pejabat
- Memastikan pelupusan boleh menjana hasil kepada Kerajaan
- Memastikan kaedah pelupusan yang dipilih bersifat mesra alam dan lestari

JUSTIFIKASI PELUPUSAN

KUASA MELULUS PELUPUSAN

- Kuasa untuk meluluskan pelupusan adalah tertakluk kepada seksyen 5 Akta Perwakilan Kuasa 1956 yang berkuat kuasa.
- Pegawai-pegawai yang diwakilkan kuasa di bawah akta ini hanya boleh meluluskan mengikut nilai yang telah ditetapkan dan tidak boleh mewakilkan kuasa selanjutnya kepada mana-mana pegawai lain
- Permohonan pelupusan untuk kelulusan Perbendaharaan Malaysia hendaklah dikemukakan melalui Unit Pengurusan Aset Kementerian atau Jabatan

KUASA MELULUS PELUPUSAN DI UPM



URUSETIA PELUPUSAN



TUGAS URUSETIA PELUPUSAN

1. **Menyemak Laporan Lembaga Pemeriksa KEW.PA-17 (BR038/AST) dan memastikan dokumen sokongan seperti berikut disertakan:**
   i. PEP bagi aset yang memerlukan PEP
   ii. Justifikasi Jabatan bagi kaedah tukar beli dan tukar barang
   iii. Laporan kemalangan bagi kenderaan yang terlibat dengan kemalangan mengikut peraturan yang berkuat kuasa
   iv. Gambar aset, jika perlu
   v. KEW.PA-2 dan KEW.PA-3 jika perlu (Daftar FAMS)
   vi. Surat permohonan daripada pemohon bagi kaedah hadiah; dan
   vii. Laporan penyelenggaraan jika perlu

TUGAS URUSETIA PELUPUSAN

2. Mengemukakan permohonan pelupusan kepada Kuasa Melulus
3. Mendapatkan Sijil Pelupusan KEW.PA-19 (BR039/AST) daripada jabatan

PERAKUAN PELUPUSAN

MEMERLUKAN PEP

- Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik yang nilai perolehan asalnya lebih daripada lima ribu ringgit (RM5,000.00).
- Perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya lebih daripada satu ribu ringgit (RM1,000.00)

TIDAK MEMERLUKAN PEP

- Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik nilai perolehan asalnya kurang daripada RM5,000.00 telah mencapai jangka hayatnya atau diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa untuk dilupuskan
- Perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000.00 telah mencapai jangka hayatnya atau diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa untuk dilupuskan

PERAKUAN PELUPUSAN DI UPM

BIL	PEP (SEMASA)	PEP (CADANGAN PINDAAN)
1	Diperlukan bagi semua aset/Inventori Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik seperti di KEMBARAN A dan perkakasan komputer sepert di KEMBARAN B	A) Memerlukan PEP-Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik yang nilai perolehan asalnya lebih daripada lima ribu ringgit (RM5,000.00) dan perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya lebih daripada satu ribu ringgit (RM1,000.00)
		B) Tidak memerlukan PEP - Aset Mekanikal, Teknikal, Elektrik dan Elektronik nilai perolehan asalnya kurang daripada RM5,000.00 dan perkakasan komputer yang nilai perolehan asalnya kurang daripada RM1,000.00 telah mencapai jangka hayatnya atau diperakukan oleh Lembaga Pemeriksa untuk dilupuskan

PEGAWAI YANG LAYAK MENGELUARKAN PEP

- KEAHLIAN
  - PEP hendaklah disahkan oleh dua (2) orang pegawai yang terdiri daripada seorang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan seorang pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke atas
  - Jabatan yang tidak mempunyai pegawai Kumpulan P&P, PEP boleh disahkan oleh kedua- dua pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke atas

PEGAWAI YANG LAYAK MENGELUARKAN PEP

- KEPAKARAN
  - kepakaran dalam bidang masing-masing seperti Mekanikal, Elektrik, Elektronik, Komputer, Perubatan, Pergigian,Penyiaran dan seumpamanya
  - Jabatan yang tidak mempunyai Pegawai/ Penolong Pegawai Teknologi Maklumat untuk mengeluarkan PEP maka dibenarkan untuk melantik pegawai daripada skim perkhidmatan lain yang me ny kelayakan dalam bidang ICT n mengeluarkan PEP;

PEGAWAI YANG LAYAK MENGELUARKAN PEP

- TEMPOH SAH LAKU
  - hanya sah digunakan untuk tempoh satu (1) tahun sahaja dari tarikh dikeluarkan
  - Sekiranya tempoh PEP telah tamat dan proses pelupusan belum bermula Jabatan hendaklah mendapatkan PEP yang baharu
  - Sekiranya proses pelupusan telah bermula dan tempoh PEP telah tamat dalam masa proses pelupusan maka tidak perlu mendapat PEP baharu

LAPORAN LEMBAGA PEMERIKSA ASET ALIH KERAJAAN

- **KEW.PA-17 (BR038/AST)**
  - aset yang dicadangkan untuk pelupusan hendaklah disenaraikan di KEW.PA-17
  - boleh disediakan secara bersekali atau berasingan mengikut kepada jenis aset atau nilai perolehan aset;
  - Maklumat-maklumat berkenaan aset yang dicadangkan untuk di lupuskan hendaklah merujuk kepada daftar aset atau dokumen-dokumen rujukan lain
  - dikemukakan kepada Kuasa Melulus selepas Lembaga Pemeriksa Pelupusan membuat pemeriksaan ke atas aset dan melengkapkan maklumat di KEW.PA-17.

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN (LPP)

- Lembaga Pemeriksa Pelupusan (LPP) hendaklah dilantik oleh Pegawai Pengawal/ Ketua Pengarah/ Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) peringkat Kementerian atau Ibu Pejabat Jabatan menggunakan KEW.PA-15 seperti di Lampiran C
- Ketua Perwakilan/ Jabatan di negara berkenaan boleh melantik pegawai-pegawai yang sesuai sebagai LPP bagi pelupusan aset di luar negara

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN DI UPM



LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN

- KEAHLIAN
  - Sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai yang tidak terlibat secara langsung dalam pengendalian aset berkenaan. Pegawai yang tidak terlibat secara langsung bermaksud penempatan aset bukan di bawah tanggungjawab pegawai yang dilantik sebagai LPP.
  - Pegawai mempunyai kepakaran memeriksa aset jika perlu

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN

- KEAHLIAN
  - Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke atas atau yang setaraf. Sekiranya di Jabatan berkenaan tiada pegawai Kumpulan P&P maka kedua-dua pegawai yang menganggotai LPP tersebut boleh dilantik di kalangan pegawai Kumpulan Pelaksana Gred 17 dan ke atas; dan
  - Pegawai daripada Jabatan yang dari atau Jabatan lain boleh dilantik

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN UPM

PELUPUSAN ASET

BIL	KEAHLIAN (SEMASA)	KEAHLIAN (CADANGAN PINDAAN)
1	Pegawai kewangan zon/seksyen lain sebagai pengerusi	Pegawai Kewangan Bahagian Pengurusan Aset, Pejabat Bursar sebagai Pengerusi
2	Pegawai berkepakaran di dalam bidang berkenaan sebagai ahli	Pegawai berkepakaran di dalam bidang berkenaan sebagai Ahli
3	Wakil dari Jabatan pengguna turut hadir	Wakil dari PTJ sebagai Ahli
4	Pegawai Kewangan/ Penolong Akauntan (Seksyen Aset) sebagai setiausaha	

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN UPM

PELUPUSAN INVENTORI

BIL	KEAHLIAN (SEMASA)	KEAHLIAN (CADANGAN PINDAAN)
1	Ketua PTJ atau wakil atau seorang pegawai yang berkepakaran dalam bidang berkenaan sebagai Pengerusi	Ketua PTJ/wakil (kategori P&P) sebagai Pengerusi
2	Pengurus Kewangan (zon) sebagai ahli	Pegawai Kewangan/Penolong Akauntan Pejabat Bursar sebagai Ahli
3	Wakil dari Jabatan Pengguna sebagai setiausaha	Wakil dari PTJ sebagai Ahli

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN

- TUGAS
  i. Memaklumkan tarikh pemeriksaan kepada Kementerian atau Jabatan
  ii. Memeriksa aset dan rekod yang berkaitan dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh diarahkan oleh Jabatan
  iii. Memastikan segala maklumat sulit dan rahsia dalam peralatan yang hendak dilupuskan telah dikeluarkan
  iv. Memastikan aset keselamatan dilupuskan mengikut Akta/ Peraturan pihak berkuasa yang berkenaan

LEMBAGA PEMERIKSA PELUPUSAN

- TUGAS

v. Melengkapkan KEW.PA-17 (BR038/AST) di ruangan:-

a) Nyatakan keadaan aset dengan jelas

b) Syor kaedah pelupusan dan justifikasi

vi. Menandatangani KEW.PA-17 (BR038/AST) dan mengemukakan kepada Jabatan.

TEMPOH TINDAKAN PELUPUSAN

TEMPOH TINDAKAN

- Tindakan pelupusan mengikut kaedah yang diluluskan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh kelulusan
- DI UPM, TINDAKAN PELUPUSAN DILAKSANAKAN DALAM TEMPOH TIGA (3) BULAN DARI TARIKH KELULUSAN

PELANJUTAN

- Permohonan melanjutkan tempoh pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus dua (2) minggu sebelum tamat tempoh kelulusan pelupusan yang pertama. Pelanjutan hanya dibenarkan sekali sahaja bagi tempoh tidak melebihi satu (1) bulan

PINDA KAEDAH

- Permohonan untuk meminda kaedah pelupusan hendaklah dikemukakan kepada Kuasa Melulus sebelum tamat tempoh kelulusan pelupusan. Kuasa Melulus hendaklah memberi kelulusan untuk tempoh tiga (3) bulan dari tarikh kelulusan pinda kaedah. Sekiranya tempoh pelupusan telah tamat, kelulusan adalah terbatal dan permohonan baru hendaklah dikemukakan.



KAEDAH PELUPUSAN

JUALAN SECARA
a) TENDER
b) SEBUTHARGA
c) LELONG

E-WASTE,BUANGAN TERJADUAL,SISA PEPEJAL

JUALAN SISA

TUKAR BARANG ATAU PERKHIDMATAN

TUKAR BELI

TUKAR GANTI

HADIAH

MUSNAH SECARA
a) TANAM
b) BAKAR
c) BUANG
d) TENGGELAM
e) LETUP/LEDAK/LEBUR

KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN

PERKARA	TENDER
NILAI	dipelawa bagi nilai semasa satu aset atau secara agregatnya melebihi RM500,000.00 pada satu-satu masa
DOKUMEN	a) Kenyataan Tawaran Tender Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-21 b) Borang Tender Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-22 c) Jadual Tender Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-23
TATACARA	Tender boleh disertai oleh syarikat dan orang perseorangan. Iklan di dalam sekurang-kurangnya 1 akhbar utama (Bahasa Malaysia) .Proses mengikut tatacara tender perolehan
TEMPOH SAH LAKU	sembilan puluh (90) hari yang dikira daripada tarikh tender ditutup
DEPOSIT	10% daripada harga tawaran tertakluk kepada maksimum RM10,000

KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN

PERKARA	TENDER
PEMBUKAAN TAWARAN	Mengikut tatacara tender perolehan
PERAKUAN	a) Lembaga Perolehan Agensi (LPA) sedia ada hendaklah menimbang tender-tender dan memilih tawaran yang tertinggi b) LPA hendaklah memastikan harga tawaran yang diterima tidak kurang daripada 70% harga simpanan.
PEMBATALAN	mendapat kelulusan Pengerusi LPA yang berkenaan dan dimaklumkan kepada LPA dengan menyatakan sebab sebab pembatalan

KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN

PERKARA	SEBUTHARGA
NILAI	dipelawa bagi nilai semasa satu aset atau secara agregatnya tidak lebih RM500,000.00 pada satu-satu masa
DOKUMEN	a) Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-24 b) Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-25 c) Jadual Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-26
TATACARA	Dipelawa kepada sekurang-kurangnya 5 syarikat/orang perseorangan. Sebutharga bagi jualan sisa hanya dipelawa kepada syarikat sahaja. Proses mengikut tatacara sebutharga perolehan.
TEMPOH SAH LAKU	sembilan puluh (90) hari yang dikira daripada tarikh sebutharga ditutup
DEPOSIT	5% daripada harga tawaran tertakluk kepada maksimum RM5,000

KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN

PERKARA	SEBUTHARGA
PETI TAWARAN	Mengikut tatacara sebutharga perolehan
JAWATANKUASA PEMBUKAAN SEBUTHARGA	Terdiri dari dua (2) orang yang salah seorangnya pegawai dari Kumpulan (P&P)
PEMILIHAN OLEH JAWATANKUASA SEBUTHARGA	a) Menggunakan Jawatankuasa Perolehan sedia ada b) Memilih tawaran tertinggi dan melebihi 70% harga simpanan

KAEDAH PELUPUSAN SECARA JUALAN

PERKARA	LELONG
NILAI	a) Mempunyai nilai pasaran b) Kuantiti yang banyak c) Terdapat permintaan yang tinggi untuk membelinya
DOKUMEN	a) Kenyataan Jualan Lelongan Aset Alih Kerajaan KEW.PA-27 b) Senarai Aset Alih Kerajaan Yang Dilelong KEW.PA-27 (A)
TATACARA	a) boleh dilaksanakan sendiri oleh pegawai Kementerian/ Jabatan yang mempunyai kepakaran dalam bidang lelongan b) Jurulelong daripada pihak swasta boleh dilantik sekiranya tiada kepakaran di jabatan dengan syarat tertentu
TEMPOH SAH LAKU	a) Pembida yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh lelongan b) Aset hendaklah diambil oleh pembida yang berjaya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh lelongan
DEPOSIT	5% daripada harga simpanan tertakluk kepada maksimum RM1,000

KAEDAH PELUPUSAN

PERKARA	E-WASTE,BUANGAN TERJADUAL,SISA PEPEJAL
NILAI	Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) bermaksud barang elektrik/ elektronik yang tidak boleh digunakan dalam bentuk dan fungsi asal seperti komputer dan aksesori (pencetak dan pengimbas), mesin fotostat, televisyen, peti sejuk, alat pendingin hawa, telefon bimbit dan aksesori/ bateri;
TATACARA	a) Kos pengendalian pelupusan hendaklah ditanggung oleh Kementerian atau Jabatan yang melupuskan aset tersebut dan hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan perolehan perkhidmatan. b) Jabatan hendaklah merujuk kepada Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai perkara ini atau akta yang berkaitan

KAEDAH PELUPUSAN

PERKARA	JUALAN SISA
